

BAB EMPAT

BAB IV

PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA DI ACEH DI BAWAH DAERAH OPERASI MILITER (DOM) 1989-1998 BERASASKAN INTERVIEW DAN OBSERVASI

4.1. Pendahuluan

Dalam perbincangan bab III telah diterangkan bahawa pelanggaran hak asasi manusia di Aceh selama berlakunya operasi militer adalah sangat buruk. Tindakan yang dilakukan oleh Tentera sangat kejam sehingga telah menimbulkan implikasi negatif kepada masyarakat Aceh dari sudut ekonomi, politik dan sosial.

Namun di pihak kerajaan tindakan-tindakan tersebut dikatakan diambil demi untuk menjaga keselamatan Indonesia keseluruhannya dari keganasan pemberontak-pemberontak Aceh. Manakala di pihak Aceh pula menganggap tindakan operasi militer adalah melampaui batas-batas kemanusiaan dan menolak anggapan daerah Aceh sebagai daerah pemberontak, fundamentalis dan sebagainya.

Dengan sebab itu, di dalam bab ini penulis akan menjelaskan kedudukan yang sebenar khususnya di pihak rakyat Aceh akan tanggapan dan penderitaan yang mereka lalui di bawah daerah Operasi Militer (DOM).

Keterangan tersebut diperolehi melalui interview penulis kepada mangsa dan keluarga mangsa daerah Operasi Militer (DOM) seramai 19 orang, tokoh-

tokoh masyarakat seperti ahli akademik, ahli politik, badan bukan kerajaan (NGO), ulama, golongan mahasiswa dan aktivis Aceh, semuanya seramai 22 orang. (Sila lihat lampiran A, daftar Responden). Selain itu, penulis juga melihat sendiri tempat kejadian dan keadaan mangsa, keluarga mangsa serta penduduk terbabit.

4.2. Laporan Wawancara Dengan Tokoh-tokoh Masyarakat Daerah Aceh (Ahli Badan Bukan kerajaan, Tokoh Politik, Tokoh Akademik, Golongan Mahasiswa, Aktivis Aceh dan Tokoh Agama)

Dari hasil wawancara penulis dengan tokoh-tokoh masyarakat Aceh, samaada yang berada di Aceh ataupun di luar Aceh telah menunjukkan bahawa pencerobohan hak asasi manusia yang terjadi selama Daerah Operasi Militer (1989-1998) adalah sangat buruk.

Hakikat ini jelas sekali bila ditinjau dari pelbagai sudut kehidupan rakyat Aceh, bukan sahaja dari penindasan fizikal yang telah menjadi mangsa pembunuhan atau dihilangkan secara paksa, lebih dari beribu-ribu kanak-kanak menjadi yatim piatu dalam masa Daerah Operasi Militer (DOM) itu, tetapi juga dari pelalaian yang sengaja dilakukan terhadap taraf kehidupan rakyat Aceh yang makin hari semakin bertambah susah.¹

Menurut *Allahyarham Jaafar Siddiq* seorang aktivis Aceh dan beliau sebagai ketua International Forum for Aceh (IFA) yang bertempat di Washington

¹ *Wawancara dengan M. Nur Djuli* (Tokoh masyarakat Aceh Malaysia dan beliau sebagai Pusat Informasi Aceh Malaysia), Kuala Lumpur pada 20 november 1999

D.C² bahawa penindasan terhadap orang Aceh pada masa Daerah Operasi Militer (DOM)) tahun 1989-1998 sama dengan apa yang terjadi di Bosnia, Kosovo, Chechnya, Ambon dan beberapa negara lain di Asia.³

Penindasan dan kekejaman ini terjadi kerana penyelesaian kes Aceh dilaksanakan dengan cara ketenteraan dan bukannya melalui cara-cara politik yang demokratik.

Menurut *Nezar Fatria*, penindasan ini akan terus berlaku, jika masalah Aceh tidak diselesaikan secara benar dan serius. Pada dasarnya usaha yang mesti dilakukan oleh pemerintah selepas pencabutan daerah Operasi Militer mencakupi usaha penyelesaian secara politik, undang-undang, sosial dan secara agama. Kerana selama Daerah Operasi Militer telah mengakibatkan banyaknya mangsa di kalangan masyarakat Aceh.⁴

Pada masa Daerah Operasi Militer (DOM) telah munculnya beribu-ribu perempuan Balu yang terpaksa berjuang bukan sahaja untuk menanggung kehidupan mereka sendiri, tetapi anak-anak mereka yang di bawah umur.

² wawancara ini dilaksanakan pada acara International Forum for Aceh (IFA) di Bangkok, Thailand, 24-15 Mei 1999, sebelum beliau meninggal dunia

³ Wawancara dengan *Jaafar Siddiq* (Ketua International Forum For Aceh), Bangkok, Thailand, pada 24 Mei 1999

⁴ Wawancara dengan *Nezar fatria* (NGO Kontras iaitu Komisi orang hilang dan tindakan kekerasan, Bangkok, Thailand pada 24 Mei 1999, Wawancara dengan *Muhammad Yus* (Ketua Dewan Perwakilan Rakyat daerah Aceh dan ketua Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII) daerah Aceh, pada 18 Januari 1999, wawancara dengan *Nazaruddin Syamsuddin* (Pensyarah politik di Universitas Indonesia Jakarta), pada 30 April 2000 di Jakarta, wawancara dengan *Alyasa Abubakar* (Rektor I Institut agama Islam negeri Banda Aceh) Banda Aceh pada 30 March 1998

Menurut *Cut Zahara Hamzah* pada masa Daerah Operasi Militer (DOM) bukanlah suatu rahsia lagi banyak terjadi pemerkosaan dan gangguan seksual oleh tentera-tentera kerajaan terhadap wanita-wanita Aceh. Dari data-data yang dapat dikumpulkan oleh badan-badan bukan kerajaan sejumlah 230 kes perkosaan dan 871 pencabulan seksual terhadap wanita Aceh telah dicatatkan secara rasmi pada tahun 1999.⁵

Malangnya, dari berlakunya Daerah Operasi Militer (DOM) hingga sekarang ini Aceh masih dijadikan sebagai ladang pertempuran dan pembantaian, beribu-ribu rakyat Aceh yang tak berdosa dihilangkan secara paksa, diculik, diseksa, dibunuh dan diperkosa oleh tentera tanpa perikemanusiaan.

Menurut *Cut Nur Asikin* beribu-ribu balu anak yatim piatu sehingga saat ini masih bermandikan air mata. Suami atau ayah mereka diculik lalu dibunuh dan tidak diketahui dimana puseranya. Nasib mereka masih terumbang-ambing kerana pemerintah tidak mempunyai keinginan untuk menyelamatkan dan memberikan kesejahteraan kepada mereka.⁶

Realiti ini menjadikan rakyat Aceh sangat menderita sehingga dapat mendorong mereka untuk terus mengadakan perlawanan dengan pemerintah Indonesia, akibat daripada perasaan sakit hati dan dendam yang sulit untuk disembuhkan.⁷

⁵ *Wawancara dengan Cut zahara hamzah* (Ketua Forum Janda Korban Daerah Operasi Militer atau FORJADOM), data ini diperolehi dari hasil laporan NGO FP. HAM Aceh tahun 1998, Bangkok, Thailand pada 25 Mei 1999

⁶ *Wawancara dengan Cut Nur Asikin* (Tokoh Wanita Aceh), Banda Aceh pada 28 Ogos 1999

⁷ *Wawancara dengan Munir SH* (Ketua Komisi orang hilang dan tindakan kekerasan), Jakarta pada 5 Januari 1999, *wawancara dengan Bakhtiar Ali* (Pensyarah di Universitas Gajahmada

Kerana tragedi Aceh telah melahirkan luka dan duka tidak sahaja dirasakan oleh yang mengalaminya melainkan juga oleh seluruh rakyat Aceh yang masih memiliki hati nurani. Tragedi di Aceh adalah tragedi kemanusiaan paling buruk sepanjang masa pemerintahan Soeharto (1966-1998).

Menurut *Munir SH* Perasaan sakit hati tersebut memerlukan masa untuk disembuhkan, kerananya pemerintah Indonesia harus melakukan usaha-usaha untuk menghilangkan luka masyarakat Muslim Aceh dengan sebaik-baiknya. Pemerintah Indonesia mesti mempunyai 'itiqad baik untuk menyelesaikan kes Aceh akibat terjadinya pembantaian, yang oleh banyak pihak menilai sebagai sebuah pembantaian peradaban yang hanya mungkin terjadi dalam masyarakat primitif⁸.

Perkara ini justru terjadi di Indonesia yang berideologi pancasila dan dilakukan oleh tentera Indonesia atas nama pemerintah terhadap anak bangsanya sendiri yang dituduh sebagai Gerakan Aceh Merdeka (GAM) selama 10 tahun.

Jokjakarta dan ahli politik), pada 6 Jun 1999 di Jakarta, *wawancara dengan Otto Syamsuddin Ishak* (ketua salah satu NGO di Aceh dan beliau sebagai Pensyarah di fakulti pertanian Universitas Syiah Kuala Banda Aceh) pada 27 Mei 2000 di Banda Aceh. *Wawancara dengan Safwan Idris* (Rektor Institut Agama Islam Negeri Banda Aceh) Banda Aceh, pada 30 March 1998

⁸ Wawancara dengan *Munir SH* (Ketua Komisi orang hilang dan tindakan kekerasan (KONTRAS)) Jakarta, 5 Januari 1999

Menurut *Allahyarham Sayed Mudhahar Ahmad*, oleh kerana Indonesia adalah negara berasaskan undang-undang, maka undang-undang mesti dilaksanakan untuk mengatur dan mengawal kekuasaan pemerintah yang cenderung melakukan pencerobohan hak asasi. Sebab pada asasnya pelaksanaan hak-hak asasi sangat berhubung kait dengan sistem politik dan kekuasaan pemerintah. Oleh kerana demikian pemerintah harus menjalankan supremasi undang-undang dalam kes pelanggaran hak asasi manusia di Aceh selama Daerah Operasi militer (DOM).⁹

Berikut ini akan diterangkan beberapa bentuk pencerobohan hak-hak asasi manusia yang berlaku pada masa DOM.

Dari data yang telah diperolehi dari kajian lapangan menunjukkan bahawa sejak tahun 1989, keamanan daerah Aceh telah menjadi kacau bilau akibat daripada tindakan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang semakin meningkat. Maka pada masa itulah dilaksanakan operasi militer yang melibatkan tentera dari kesatuan khas.

Dari data yang telah dikumpulkan oleh Forum Peduli HAM¹⁰ iaitu suatu forum di Banda Aceh yang bertujuan mengumpulkan kes orang-orang hilang dan korban tindak kekerasan, bentuk-bentuk pelanggaran hak-hak asasi manusia yang

⁹Wawancara dengan *Allahyarham Sayed Mudhahar Ahmad* (Ketua Parti Amanat Nasional (PAN) di Banda Aceh pada 30 Julai 1998. Beliau meninggal 17 Julai 1998, wawancara dengan *Rusydi Ali Muhammad* (Dekan Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri) 30 Maret 1998 di Banda Aceh pada, wawancara dengan *Kausar* (Mahasiswa dan ketua Solidariti Mahasiswa untuk Rakyat), pada 15 Disember 1999, wawancara dengan *Muhammad Nazar* (Ketua Sentral Informasi referendum Aceh (SIRA)), pada 14 Disember 1999, di Banda Aceh

¹⁰ Forum ini ditubuhkan pada bulan 18 oktober 1999, forum ini mempunyai matlamat iaitu untuk mengumpulkan data-data pelanggaran hak asasi manusia terutama di Aceh.

non material selama berlangsungnya operasi militer mencakupi pembunuhan, penghilangan, penyiksaan dan pemerkosaan.¹¹

Mengenai jenis pembunuhan dapat disebutkan sebagai suatu bentuk eksekusi tanpa proses mahkamah dilakukan terhadap warga desa. Umumnya yang menjadi mangsa adalah mereka yang dituduh sebagai anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

Salah satu tujuan dari pembunuhan ini ialah untuk menciptakan perasaan takut kepada masyarakat agar mereka mahu bekerja sama dengan tentera untuk menangkap orang yang menganggotai Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Mengenai penghilangan orang di Aceh selama operasi militer, juga hanya berdasarkan atas rasa syak. Selama berlangsungnya operasi militer, cara penangkapan dan penahanan sama sekali diabaikan, mangsa dan keluarganya juga tidak diberi tahu dimana ia akan ditahan.

Contohnya sesetengah masyarakat Aceh didapati hilang dari daerahnya oleh waris mereka. Kehilangan ini selalu dikaitkan dengan tindakan Daerah Operasi Militer yang menggunakan taktik ini kepada siapa sahaja yang dicurigai sebagai anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM), mangsa biasanya tidak akan dibicarakan tetapi ditahan, ditangkap dan dibunuh.¹²

¹¹ Wawancara dengan Saifuddin Bantasyam, Dasrizal, dan Fauzi (Ahli Forum Peduli HAM Aceh), Banda Aceh pada 20 oktober 1999

¹² *Ibid*

Manakala kekejaman Daerah Operasi Militer (DOM) dalam bentuk penyiksaan pula, ia telah dilakukan secara berterusan dan tujuan penyiksaan terbuka dilakukan adalah supaya yang melihatnya tidak akan melakukan kesalahan yang sama. Metod penyiksaan yang biasa dilakukan antara lain memasukkan air ke hidung dan dimandikan dengan kotoran manusia atau haiwan¹³.

Cara-cara ini dilakukan untuk mendapat informasi dari mangsa dan menjadi suatu bentuk operasi yang bersifat umum dalam proses pemeriksaan atas pihak-pihak yang dicurigai terlibat dengan GAM.¹⁴

Menurut penelitian penulis, jenayah perkosaan yang dilakukan semasa DOM jarang dihebahkan kepada masyarakat, kerana mangsa dan keluarga tidak mendedahkannya. Sebab itulah tidak ada suatu perbincangan serius tentang kekejaman ini dalam masyarakat.

Begitu juga dengan kekejaman-kekejaman lain yang jarang dibincangkan secara formal, serius dan melibatkan pelbagai pihak termasuk tentera, kerajaan, penduduk Aceh, badan-badan bukan kerajaan, ahli agama, ahli akademik dan sebagainya untuk menyelesaikan hal-hal yang bersangkutan dengan hak-hak asasi manusia di Aceh.

¹³ *Serambi Indonesia*, 20 September 1999, m.s. 4

¹⁴ *Ibid*

4.3. Laporan wawancara dengan Mangsa dan keluarga Mangsa Daerah Operasi Militer (DOM)

Beberapa kes pembunuhan yang akan penulis sebutkan dibawah ini, dimana penulis dapat bertemu dengan isteri dan keluarga korban antara lain terjadi atas M. Yusuf Rahman (umur 30 tahun) dan Yusuf (umur 32 tahun) penduduk kampung Alue Lada dan Mee, Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie.

Kedua mangsa tersebut adalah mangsa yang ditembak oleh tentera pada tahun 1990. Menurut isteri Yusuf iaitu Nurhayati Nago (36 tahun), suaminya dibawa oleh tentera pada awal bulan september 1990 ke kampung Mee. Di tempat itu selain telah menunggu dua orang tentera, juga ada satu korban lainnya iaitu M. Yusuf Rahman. Tangan mereka diikat dengan kabel elektrik, dengan disaksikan oleh masyarakat kampung yang diarah supaya berhimpun di sebuah surau untuk melihat proses penyiksaan terbuka terhadap kedua orang tersebut.

Di surau itu, M. Yusuf Rahman dan Yusuf disiasat oleh tentera, mengenai penglibatannya mereka dalam GAM. Keduanya menjawab bahawa mereka sama sekali tidak terbabit. Kedua orang ini dipukul dengan senjata di kepala sehingga berdarah. Setelah disiksa di Surau, dalam keadaan tangan terikat, mata ditutup kain hitam.

Kemudian kedua korban dibawa ke tanah persawahan, di sinipun mereka dipukul kerana mereka selalu menjawab bahawa mereka tidak terbabit Gerakan

Aceh Merdeka (GAM). Maka beberapa tentera menembak kepala korban, sehingga keduanya terbunuh ditempat.¹⁵

Peristiwa ini berlaku pada pukul 10 pagi dan penduduk kampung diminta tidak mendekati kedua-dua mayat tersebut sehinggalah apabila tentera-tentera itu meninggalkan kampung tersebut setelah petang hari.¹⁶

Korban lainnya adalah Asnawi Yahya (32 tahun) yang merupakan seorang kepala kampung di Blang Kulam, Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie. Beliau menjadi korban kerana sebagai kepala kampung beliau cuba melindungi dan mempertahankan masyarakatnya dari disiksa oleh tentera Daerah Operasi Militer (DOM).

Akibatnya pada akhir bulan oktober 1991, beliau telah ditangkap dan dibawa ke sebuah jambatan dan disiksa. Iaitu dengan meletakkan tali dilehernya yang kemudiannya diarah penduduk kampung untuk menariknya. Beliau akhirnya terkorban akibat ditembak oleh tentera DOM di tempat kejadian tersebut.¹⁷

Pembunuhan seterusnya mengorbankan mangsa tiga orang, terjadi atas warga kampung selatan, Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie pada 1 Jun 1991. Mangsa di kenali sebagai Usman Raden (55 tahun), Abdullah husen (45 tahun) dan Abdurrahman sarong (45 tahun). Menurut isteri Usman Raden, bahawa kejadian yang menimpa suaminya dan dua orang temannya bermula daripada

¹⁵ *Wawancara dengan Nurhayati Nago* (Isteri M. Yusuf), Batee, pada 15 Oktober 1999

¹⁶ *Wawancara dengan M. Yusuf Ismail* (Kepala Kampung), Batee, pada 15 Oktober 1999

¹⁷ *Wawancara dengan Usman Bin Tayeb* salah seorang penduduk kampung yang diarah untuk menarik tali dileher korban, pada 17 Oktober 1999 di Balang Kulam Kecamatan Batee, Pidie

pemeriksaan Kartu Tanda Penduduk (KTP)¹⁸ yang dilakukan di padang bola sepak kampung selatan.

Walaupun kesemua mangsa mempunyai KTP tetapi mereka telah dibawa oleh tentera ke suatu tempat yang tidak diketahui. Setelah tiga hari tidak ada berita, seorang penduduk kampung datang kepada Jariah, isteri Abdullah Husen, dan memberitahu bahawa mayat suaminya dan dua orang temannya dijumpai di kampung Lhokseumani, Batee dalam keadaan busuk dan di dada mereka dijumpai KTP yang sengaja diletakkan oleh tentera.¹⁹

Kes pembunuhan seterusnya melibatkan Sulaiman Ali (40 tahun) penduduk Ulee Rubek Seunuddon, Aceh Utara. Ia disiksa di mata Anoe pada tahun 1990. Sebelum dibunuh, mangsa telah dibawa ke desa Mata Anoe dan disiksa. Menurut adik kandung mangsa, Teungku Nurdin Ali (37 tahun), abangnya dibawa oleh tentera ketika beliau sedang sedang bekerja di kolam udang.

Beliau dibawa ke pejabat tentera di kampung tersebut pada 5 Januari 1990 dan kemudian dibawa ke Lhoksukon, Aceh Utara untuk disiksa. Akhirnya beliau telah di campakkan ke dalam sungai Sampoiniet, Aceh Utara. Dengan batu yang diikat pada badannya menyebabkan kematian. Dua hari kemudian, mayatnya ditemui dalam keadaan yang mengerikan.²⁰

¹⁸ *Kartu Tanda Penduduk (KTP)* adalah Kad Pengenal penduduk warga negara Indonesia atau sejenis dengan IC (Identity Card)

¹⁹ *Wawancara dengan Aminah* (isteri Usman raden), dan Jariah (isteri Abdullah Husen), Batee, pada 14 Oktober 1999

²⁰ *Wawancara dengan Teungku Nurdin Ali* (keluarga mangsa) Sampoiniet, Aceh Utara, pada 28 Julai 1998

Kes pembunuhan yang ke 5 yang diceritakan oleh keluarga mangsa ialah Zainuddin (27 tahun) yang terjadi pada 5 Mei Ogos 1991. Penduduk Ulee Reubek Seunuddon, Aceh Utara ini berlepas dari Bireun (sekarang Kabupaten Aceh Jeumpa) ke Pantan labu (Aceh Utara) pukul 01.00 tengah malam. Para penjaga malam menangkapnya di pos Cempedak, Jambo Aye, Aceh Utara. Kerana merasa tak bersalah, ia melawan sehingga ianya dipukul penjaga malam.

Setelah itu para penjaga malam memanggil tentera di Alue Bili Aceh Utara tidak jauh dari tempat kejadian. Saat itu korban lari dan tentera menembaknya. Mayat korban dilemparkan dalam satu gaung di dekat balai pasar Ulee Rubek Timur, Aceh Utara, pukul 03.00 tengah malam.

Kemudian masyarakat tersebut mengambil dan menguburkan mayat tersebut, Esoknya pukul 11.00 siang tentera datang ke kampung itu, dan diarahkan untuk membuka kubur dan mengambil mayat itu untuk diperiksa. Dan setelah tentera itu pulang, warga kampung menguburkan semula.²¹

M. Yusuf Hasan (39 tahun), seorang penduduk di Paya Tukai Tanah, Jambo Aye, Aceh Utara, telah diambil oleh tentera selepas ia pulang dari mengerjakan solat Magrib. Di tengah jalan ia bertemu dengan tentera dan ia langsung dipukul dengan senjata dan dilempar ke dalam trak tentera.

Tiada sebarang berita diperolehi dari mangsa sehingga hampir 5 bulan. Pada februari 1991 maklumat yang diterima dari rakan karib M. Yusuf Hasan

²¹ *Wawancara dengan Abubakar* (keluarga mangsa), Ulee Rubek Timur, Sampoiniet, Aceh Utara, pada 28 Ogos 1998

bahawa beliau telah dikuburkan secara beramai-ramai dalam kebun kelapa sawit Jambo Aye, Aceh Utara.²²

Imuem Sulaiman (40 tahun), seorang Penduduk kampung Lueng dua, Simpang ulim, Aceh timur. Ia mengalaminya tahun 1990. Ia telah dibawa oleh tentera semasa ia mengahdiri kenduri di rumah penghulu kampung tersebut. Dari situ ia dibawa ke Pos Lueng puet tidak jauh dari kampungnya untuk disiasat atas tuduhan terbabit dalam Gerakan Aceh Merdeka.

Mangsa dibawa ke suatu tanah kosong untuk dipukul dan ditembak. Tembakan pertama pada kepalanya, dan tembakan kedua pada bahu kiri. Setelah jatuh dan terbunuh, tentera pun berlalu. Dan mayat korban dikuburkan pada hari itu juga oleh warga kampung.²³

Maddin Ismail (45 tahun), seorang penduduk Pante Bayeun, Simpang ulim, Aceh timur. Ia terbunuh setelah dibawa dari Masjid pada pukul 10.00 pagi pada tahun 1990. Korban di bawa oleh 15 orang tentera dengan trak. Bersama korban, juga ada beberapa warga lain. Pada petang hari itu juga Maddin Ismail di bawa ke lapangan bola sepak, lalu ditembak di bawah telinganya dan terbunuh di tempat kejadian.²⁴

²² *Wawancara dengan Kamaluddin Basyir* (Saudara sepupu korban), Jambo Aye, Aceh Utara, pada 13 Mai 1999

²³ *Wawancara dengan M. Daud* (Adik korban), Leung dua, Simpang ulim, Aceh timur pada 19 Mai 1999

²⁴ *Wawancara dengan Asni* (isteri korban), Pante bayeun, Simpang Ulim, Aceh timur pada 20 Mai 1999

Itulah beberapa kes pembunuhan yang dilakukan oleh tentera terhadap masyarakat awam Aceh pada masa berlakunya Daerah Operasi Militer. Manakala maklumat yang diperolehi daripada Forum Peduli HAM (FP HAM) Aceh, bahawa kes-kes pembunuhan masa operasi militer berjumlah sampai beribu-ribu kes.

Dan pihak Forum tersebut mengalami kesulitan dalam mengumpulkan data-data secara menyeluruh kerana di samping forum ini tidak mengadakan observasi secara menyeluruh ke daerah-daerah operasi militer serta tidak bertemu dengan mangsa juga kerana mangsa sendiri tidak membuat laporan ke Forum tersebut.²⁵

Selain daripada itu kes-kes pembunuhan terdapat beberapa kes mengenai penyiksaan yang dilakukan oleh tentera antaranya adalah dialami oleh, Abu Bakar (35 tahun), seorang penduduk desa Mee, kecamatan Batee, kabupaten Pidie, yang terjadi pada 10 september 1991.

Pada hari itu ia masuk ke pejabat polis, kerana ia melihat kereta saudaranya di parking di hadapan pejabat polis tersebut. Hal ini membuat tentera-tentera yang bertugas menjadi curiga.

Setelah masuk kedalam pejabat ia dipukul dengan senjata, dan dipukul dengan bambu di kakinya, sehingga kakinya patah. Kemudian baju, jam, dan kasutnya juga diambil secara paksa. Kerana mempersoalkan apa kesalahannya

²⁵ *Wawancara dengan Yarmen Dinamika*, (salah seorang ahli Forum Peduli HAM Aceh) Banda Aceh, pada 25 Oktober 1999

sehingga ia disiksa, seorang tentera yang lain menginjak wajahnya, sampai hidung dan giginya patah, dan bibirnya hancur. Setelah itu ia bersama tiga orang korban lainnya dinaikkan ke sebuah trak yang sengaja diletakkan di bawah panas matahari.

4

Dalam keadaan yang lemah, dan mata ditutup dengan kain ia dibawa ke suatu tempat dan terus disiksa. Di tempat ini, pada suatu hari ia disuruh mengangkat beras, namun kerana keadaannya yang lemah, beras yang dibawanya jatuh dan ia mengucapkan *Astaghfirullah*.

Mendengar ucapan ini, seorang tentera memukul bagian belakangnya dengan rotan. Pada hari yang lain ia dipaksa untuk mandi dalam air kotor manusia. Abu Bakar kemudian dilepas, setelah hampir dua bulan ia disiksa. Penyiksaan yang dilakukan atas dirinya, telah mengakibatkan cacat dibagian wajahnya sampai sekarang ini.²⁶

Korban penyiksaan lainnya adalah Abdul Djalil (40 tahun), warga desa Mee, Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie. Kes ini terjadi pada 6 oktober 1990, tiga orang tentera datang dan membawanya ke suatu tempat yang tidak diketahuinya kerana kedua matanya ditutup. Kemudian ia didudukkan di kursi dan seorang tentera kemudian menanyakan tentang keterlibatannya dalam Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

²⁶ Wawancara dengan Abu Bakar (mangsa penyiksaan), Kecamatan Batee, pada 14 oktober 1999

Kerana ia menjawab bahawa ia bukan anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM), ia dipukul dan jatuh dari kursinya. Setelah itu dua orang tentera lain memukulnya dengan senjata ke tubuh dan kakinya. Ia dipaksa untuk bangun semula untuk dipukul lagi.

Setelah itu ia disuruh duduk di bawah kursi dan dipaksa untuk mengaku bahawa ia terbabit dalam anggota GAM. Kerana ia tidak mengaku, ia dipukul dengan kayu sehingga kakinya berdarah dan tidak boleh berjalan.²⁷

Penyiksaan lainnya dirasakan oleh Nyak Cek Ahmad (55 Tahun), ia juga berasal daripada desa Mee, Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie. Ia menceritakan bahawa pada tahun 1991 datang lima orang tentera ke desanya dan pada saat itu semua penduduk diarahkan untuk berhimpun di Surau.

Tentera tersebut menanyakan mengenai anggota GAM. Kerana menjawab tidak tahu, tentera marah dan mengarahkan delapan warga kampung yang berumur 50 tahun sampai dengan 60 tahun untuk duduk di tanah. Setelah itu tentera tersebut naik ke atas tubuh mereka kemudian mereka diarahkan lagi untuk berjalan ke luar Surau.²⁸

Teungku M. Yusuf Alibasyah, warga Blang Bunot, Bandar baru, Pidie pada tanggal 5 Januari 1993 diculik oleh dua orang tentera, lalu disiksa dengan

²⁷ Wawancara dengan Abdul Djalil (mangsa penyiksaan) Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie, pada 14 Oktober 1998

²⁸ Wawancara dengan Nyak Cek Ahmad (korban penyiksaan), Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie, pada 14 Oktober 1998

mukanya dipukul sampai gigi dan hidungnya hancur, dan bila penulis bertemu dengannya ia dalam keadaan sakit dan tak boleh makan.²⁹

Umar Ibrahim (60 tahun), Cot Baroh, Glumpang Tiga, Pidie. Diambil dari rumah dan disiksa pada 4 Juni 1994. Ia digantung dengan kepala ke bawah dan dipukul dengan kayu lalu dipaksakan mandi dengan air kotoran manusia. Sampai dengan sekarang ini ia mengalami sakit bahagian dalam dan sulit untuk bernafas.³⁰

Itulah beberapa kes penyiksaan masa DOM berlaku di Aceh yang telah penulis sebutkan, dan masih banyak lagi kes-kes penyiksaan lainnya yang penulis tidak menerangkannya dalam disertasi ini.

Bentuk-bentuk pencabulan hak-hak asasi manusia seterusnya ialah perkosaan. Antara kes-kes yang diperolehi dari hasil temu bual ialah kes perkosaan yang dialami oleh Nyak Puteh (40 tahun) pada tahun 1991 (hari dan bulan mangsa tidak mengingatnya), beliau bekerja sebagai pembuat tikar.

Pada suatu malam dalam tahun 1991³¹, seluruh warga desa diarahkan untuk berhimpun di surau. Pada saat itu ia berada di luar rumah dan kemudian datang seorang tentera memaksanya untuk masuk ke dalam rumah. Ia di tarik, dibuka seluruh pakaiannya dengan paksa lalu tentera tersebut memperkosanya.³²

²⁹ Wawancara dengan M. Yusuf Alibasyah (mangsa penyiksaan), Blang Bunot, Kecamatan Bandar Baru, Kabuapten Pidie, pada 12 Nopember 1999

³⁰ Wawancara dengan Umar Ibrahim (mangsa penyiksaan), Glumpang Tiga, Pidie, pada 14 Oktober 1998

³¹ Mangsa tidak ingat lagi tanggal dan hari apa peristiwa itu berlaku

³² Wawancara dengan Nyak Puteh (korban perkosaan), desa Lueng, Kecamatan Batee, pada 16 Oktober 1999

Korban perkosaan yang lain iaitu Fatimah (25 tahun), warga Balang Iboih, Bandar Baru, Pidie. Ia diculik dari rumahnya pada suatu malam di tahun 1996. Ia diperkosa di suatu tempat oleh tiga orang tentera dalam satu malam. Setelah itu ia dipukul dengan kabel elektrik. Dan setelah puas ketiga tentera yang memperkosanya membenarkan ia untuk kembali ke rumah.³³

Perkosaan juga dialami oleh Khadijah (32 tahun), warga Seuneubok Jalan, Peureulak, Aceh Timur, pada 25 Maret 1997 rumahnya didatangi dua tentera. Suaminya dipaksakan untuk keluar rumah, dan dipukul sampai jatuh. Kemudian di dalam rumah seorang tentera memukulnya, melepaskan semua pakaian dia secara paksa, dan diperkosa sambil berdiri.³⁴

Korban perkosaan yang sangat menyedihkan lagi adalah dialami oleh Nyak Maneh Abdullah (35 tahun), warga desa Rinti, Mutiara, Kabupaten Pidie. Ia diperkosa oleh tentera di hadapan anaknya sendiri. Pada 4 Januari 1998, rumahnya telah datang beberapa tentera yang mencari suaminya dan pada malam itu suaminya tidak ada di rumah.

Dan sebagai gantinya tentera itu membawa korban ke sebuah tempat, ia disiksa, dipukul di kepala dan kakinya sehingga ia sulit untuk berjalan. Esoknya ia dibenarkan pulang. Pada awal Mei 1998, ia diambil semula oleh tentera dan membawa anaknya yang berumur 2 tahun. Di hadapan anaknya itu ia disiksa dan

³³ *Wawancara dengan Fatimah*(korban perkosaan), Bandar Baru, Aceh Pidie pada 18 Oketober 1999

³⁴ *Wawancara dengan Khadijah*(korban perkosaan), Peureulak, Aceh timur pada 15 Nopember 1999

diperkosa dalam keadaan mulutnya ditutup kain. Esoknya ia disiksa pakai elektrik dan dipukul dengan kabel.³⁵

Data tentang jenayah pemerkoasaan yang diperolehi daripada Forum Peduli (FP) HAM dan Tim Pencari Fakta Komnas (Komisi Nasional) HAM, bahawa kes perkoasaan selama DOM berlaku setakat yang dilaporkan adalah berjumlah 230 kes. Kes perkoasaan ini dikumpulkan oleh FP HAM di samping mengadakan observasi di lapangan juga dengan menerima laporan mangsa atau keluarga mangsa perkoasaan.³⁶

4.4. Laporan Hasil Observasi Penulis

Sebagaimana yang telah diterangkan bahawa mengikut data-data interview dengan mangsa Daerah Operasi Militer (DOM), dan keluarga kepada mangsa serta dengan tokoh-tokoh masyarakat Aceh menunjukkan bahawa pelanggaran hak asasi pada masa DOM sangat buruk.

Di mana ianya telah menjejaskan seluruh aspek kehidupan masyarakat Aceh. Oleh yang demikian berikut ini akan disebutkan beberapa kesan yang penulis temui di lapangan terutama di daerah peletakan Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh Timur, Utara dan Aceh Pidie. Di antaranya adalah :

³⁵ Wawancara dengan Nyak Maneh Abdullah (korban perkoasaan), Mutiara, Aceh pidie pada 17 desember 1999

³⁶ wawancara dengan Yarmen Dinamika (ahli Forum Peduli HAM Aceh), Banda Aceh, pada 10 desember 1999

4.4.1. Kesan terhadap Keadaan Ekonomi Mangsa Daerah Operasi Militer (DOM)

Secara keseluruhan mangsa Daerah Operasi Militer (DOM) adalah penduduk miskin yang bekerja sebagai petani. Bila penulis mewawancarai mangsa, penulis melihat secara langsung keadaan rumah mereka yang tidak patut untuk tinggal di dalamnya. Beberapa mangsa yang penulis temui, mereka hanya boleh makan dalam satu atau dua kali sehari. Penulis sampai meneteskan airmata ketika mangsa menceritakan keadaan dirinya dan keluarga. Yang sangat menyedihkan lagi adalah di antara beberapa mangsa penyiksaan, bila penulis temui masih dalam keadaan sakit, mereka tidak boleh membeli ubat kerana tidak memiliki uang. Penulis sempat bertanya kepada mangsa "kenapa tidak membeli ubat". Ianya menjawab "jangan membeli ubat, membeli ikan sahaja kami tidak punya uang". Mendengar jawapan itu penulis sangat sedih dan bila penulis meninggalkan rumah mangsa tersebut, penulis memberikan sedikit sedekah jariah kepada mangsa. Untuk lebih terkesan mengenai mangsa DOM dan kekejaman yang berlaku, penulis akan menunjukkan gambar-gambar seperti di bawah ini :







Daripada gambar-gambar di atas teranglah bahawa mangsa Daerah Operasi Militer (DOM) adalah masyarakat awam. Di mana kita dapat melihat dari keadaan mereka yang menyedihkan, dan kita juga boleh melihat mengenai kesan kekejaman yang dilakukan oleh kerajaan Indonesia. Inilah keadaan mangsa DOM yang sampai sekarang ini pemerintah Indonesia tidak mahu bertanggung jawab dan memperdulikan mereka, sama ada mangsa penyiksaan mahupun kepada keluarga mangsa pembunuhan. (*Untuk lebih lengkapnya mengenai bentuk-bentuk kekejaman masa DOM dapat dilihat dalam foto-foto di lampiran D*)

4.4.2. Kesan terhadap Keadaan Sosial Mangsa dan keluarga kepada mangsa Daerah Operasi Militer (DOM)

Sebagaimana yang telah diterangkan juga bahawa DOM telah menghancurkan nilai-nilai sosial masyarakat Aceh. Terutama mangsa perkosaan

dan keluarga kepada mangsa. Secara keseluruhan mereka telah hilang semangat untuk hidup. Mereka takut bertemu dengan orang asing yang mereka tidak kenali. Misalnya, ketika penulis bertemu dengan beberapa mangsa di antaranya Nyak Maneh dari Desa Rinti Kecamatan Mutiara, Kabupaten Pidie dan Khatijah dari Kecamatan Peureulak, Kabupaten Aceh Timur. Mereka sangat takut bertemu dengan penulis kerana mereka tidak kenal. Setelah penulis berjaya mewawancarainya, penulis melihat mereka sangat sedih dan tidak ada semangat lagi serta mereka sangat malu bertemu dengan masyarakat luar, kerana bagi mereka kejadian itu adalah suatu kehinaan. Untuk lebih terang, penulis akan menunjukkan gambar dua orang mangsa perkosaan, seperti di bawah ini





Dari gambar di atas, teranglah bahawa keadaan mangsa perkosaan sangat menyedihkan. *Foto pertama* adalah orang tua dari Desa Rinti Kecamatan Mutiara, Kabupaten Pidie, ianya diperkosa, tangannya dipatahkan, kelingking dan jari manis tangan kirinya dipotong. *Foto kedua* adalah mangsa dari Aceh timur, keadaan fisikalnya sangat menyedihkan, aianya seorang yang cacat kaki dan tangannya dan anak itu adalah anak yang lahir hasil dari perkosaan tentera Indonesia yang tidak bertanggungjawab.

Dan yang lebih dkuatirkan lagi tentang keadaan psikologi mangsa, iaitu ketakutan yang mendalam termasuk mereka takut untuk diambil gambar. Oleh yang demikian pemerintah mesti mengambil peduli terhadap keadaan psikologi mereka.

Dari sudut lain, penulis melihat ramai anak-anak mangsa DOM tidak melanjutkan pembelajaran lagi di samping faktor ekonomi juga kerana keadaan keamanan daerah Aceh selepas pencabutan Daerah Operasi Militer (DOM), bila penulis observasi ke lapangan, penulis melihat ramai mereka berada di tempat-tempat pelarian, kerana daerah mereka masih ada operasi militer, dan kebanyakan mereka adalah anak-anak mangsa DOM. Di bawah ini ada beberapa gambar tentang keadaan mereka di tempat-tempat pelarian :







Dari gambar di atas, teranglah bahawa keadaan anak-anak mangsa operasi militer sangat menyedihkan, mereka secara keseluruhan tidak melanjutkan pembelajaran. Dan penulis yakin bahawa di Aceh dalam masa 10-15 tahun yang akan datang akan wujud *lost Generation* (generasi yang hilang). Oleh kerana yang demikian, pemerintah Indonesia mesti mengambil berat kepada anak-anak mangsa DOM dengan memberikan beasiswa pendidikan kepada mereka.

Itulah beberapa kesan yang penulis temui sebagai hasil observasi di daerah peletakan DOM iaitu Aceh Timur, Utara dan Aceh Pidie.

4.5. Kesimpulan

Dari data-data yang diperolehi melalui interview dan observasi lapangan, maka dapatlah diambil kesimpulan bahawa pencerobohan hak asasi di Aceh pada masa Daerah operasi Mjliter adalah sangat buruk. Ini membuktikan bahawa kenyataan dan berita-berita yang dipaparkan dalam akhbar dan majalah seperti yang disebutkan dalam bab-bab terdahulu adalah benar berlaku.

Dari hasil interview penulis dengan tokoh-tokoh masyarakat Aceh (ahli akademik, ahli politik, badan bukan kerajaan (NGO)), golongan mahasiswa, ulama dan aktivis Aceh, secara keseluruhan (100%) menerangkan bahawa pelanggaran hak asasi seperti pembunuhan, penyiksaan dan perkosaan telah menimbulkan implikasi negatif terhadap masyarakat Aceh. Samaada segi ekonomi, politik mahupun sosial Pencerobohan hak asasi ini terjadi justru di negara Indonesia yang bertamaddun dan berideologi Pancasila.

Oleh kerana demikian kes Aceh harus diselesaikan secara demokrasi dan mesti mengikut undang-undang. Banyak usaha-usaha yang harus dilakukan oleh pemerintah untuk menyelesaikan kes Aceh. Antaranya, penyelesaian secara undang-undang, politik, sosial dan secara agama.

Di samping itu juga penulis mengadakan interview dengan beberapa mangsa dan keluarga mangsa Daerah Operasi Militer. Hasil interview tersebut menunjukkan bahawa dari beberapa kes pembunuhan dan penyiksaan yang

dilakukan oleh tentera secara keseluruhan (100%) mangsanya adalah masyarakat awam yang tidak mempunyai hubungkait dengan Gerakan Aceh Merdeka.

Dari hasil observasi lapangan membuktikan bahawa mangsa pembunuhan dilakukan secara kejam seperti ditembak, dipotong leher mangsa dan sebagainya dengan terlebih dahulu disiksa seperti dipukul dengan kayu balak, dikelupas kulit kepala mangsa dan sebagainya. (*Kesan daripada Bentuk-bentuk pencerobohan hak asasi dapat dilihat pada gambar di lampiran D*)

Manakala kes mangsa penyiksaan yang sampai hari ini masih hidup. Secara psikologi mereka mengalami tekanan jiwa, takut dan hilang semangat untuk bekerja yang secara keseluruhan adalah petani. Dan secara fisikal, sebahagian mereka mengalami cacat tubuh seperti tangan terpotong, kaki patah, sakit paru-paru dan sebagainya.

Mengenai kes perkosaan, penulis hanya bertemu dengan beberapa orang mangsa sahaja. Data ini menunjukkan bahawa bentuk perkosaan dilakukan oleh tentera bermacam-macam seperti, pemerkosaan di hadapan anak sendiri, pemerkosaan secara bergilir-gilir dan sebagainya.

Menurut data yang penulis perolehi dari Forum Janda Korban DOM (FORJADOM) dan Forum Peduli HAM (FP HAM) Aceh, hanya 230 kes perkosaan sahaja yang berjaya dikumpulkan. Hal ini kerana Forum Janda Korban DOM dan forum Peduli HAM tidak melakukan observasi secara menyeluruh ke lapangan, mereka hanya menunggu laporan dari mangsa dan keluarga mangsa.